

| | | | |
|-------------|--|--------------|---------------------------|
| Headline | Kaunseling penting jayakan terapi metadon | Language | Malay |
| Date | 22 Nov 2009 | Page No | 29 |
| MediaTitle | Berita Minggu | Article Size | 584 cm² |
| Section | Nasional | Color | Full Color |
| Journalist | N/A | ADValue | 7,400 |
| Frequency | Daily | PRValue | 22,200 |
| Circ / Read | 342,946 / 2,476,000 | | |



Kaunseling penting jayakan terapi metadon

Sokongan psikologi, emosi bantu bekas penagih supaya tidak kembali kepada tabiat lama

EMPAT tahun lalu, kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan seboleh-bolehnya tidak mahu mengaitkan ketagihan dadah sebagai masalah sosial, sebaliknya hanya satu penyakit yang perlu diubati.

Selari dengan hasrat itu, Kementerian Kesihatan memulakan program Terapi Gantikan Dadah Metadon (TPDM) pada Oktober 2005.

Bagaimanapun, sejak pengumuman program itu dibuat, ramai yang tidak bersetuju. Pada pandangan umum, TPDM ialah program menjadikan penagih lebih ketagih kepada heroin.

Selain itu, TPDM juga dilihat hanya sebagai cara mengurangkan statistik pesakit HIV/Aids tetapi bukan untuk menangani penagihan dadah itu sendiri. Apatah lagi dengan kosnya yang mencecah RM500 juta setahun.

Stigma penagihan dadah sebagai masalah sosial seakan-akan tidak boleh dikikis daripada masyarakat. Selepas empat tahun, bukti paling jelas ialah Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini yang menyebut program TPDM pada peringkat kerajaan gagal.

Sebahagian daripada puncanya ialah faktor tidak ramai doktor di hospital kerajaan yang mahu merawat penagih dadah sebagai pesakit seperti mereka merawat penyakit jantung atau diabetes, misalnya.

Antara perkara paling utama pelaksanaan TPDM ialah pendekatannya yang bersifat 'harm reduction' (mengurangkan bahaya) iaitu mengurangkan gejala penolakan (withdrawal syndrome) ketika penyahtoksinan kepada menyesuaikan semula fungsi otak normal. Selain itu, ia juga bertindak menangani penyakit berjangkit berkaitan seperti HIV, hepatitis C dan hepatitis B berpunca daripada perkongsian jarum suntikan.

Justeru, TPDM dalam konteks ini diberikan kepada penagih dadah yang benar-benar ingin berhenti dan bukan kerana mereka tiada duit untuk membeli dadah lalu memilih untuk berhenti.

Secara asasnya, TPDM atau terapi penggantian dadah lain (DST) berniat mulia. Jika dilihat dari statistik kemasukan ke pusat serenti yang

| | | | |
|-------------|--|--------------|---------------------------|
| Headline | Kaunseling penting jayakan terapi metadon | Language | Malay |
| Date | 22 Nov 2009 | Page No | 29 |
| MediaTitle | Berita Minggu | Article Size | 584 cm² |
| Section | Nasional | Color | Full Color |
| Journalist | N/A | ADValue | 7,400 |
| Frequency | Daily | PRValue | 22,200 |
| Circ / Read | 342,946 / 2,476,000 | | |

menurun iaitu 7,810 pada 2007 berbanding 12,430 (2006) dan 17,419 (2005) perlu diikuti program ini semakin menunjukkan keberkesannya.

Malah Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) akan membuka 10 lagi pusat khidmat untuk rawatan kepada 1,300 penagih dadah menerusi program TPDM tahun ini dan tahun depan.

Namun, angka itu tidak mampu menangkis stigma sosial yang melekat bertahun-tahun pada penagih dadah. Jadi tidak hairan, jika seorang penagih ditangkap polis selepas mendapatkan rawatan TPDM.

Sungguhpun begitu, pembabitan doktor swasta dalam TPDM sangat menggalakkan.

Statistik yang dikeluarkan Pendaftaran Terapi Rawatan Penggantian Nasional mendapati, akses kepada program terapi penggantian dadah (DST) berasaskan komuniti swasta meningkat kepada 59 peratus pada Ogos 2007 dengan 474 doktor diberi kuasa merawat ketagihan dadah berbanding 298 doktor pada Mac tahun sama. Bilangan itu bertambah kepada 528 doktor dan 16,545 pesakit menjelang 2008.

Dari segi jumlah pesakit, sehingga Oktober tahun ini, seramai 21,319 pesakit mendaftarkan diri untuk menjalani TPDM berbanding 18,744 pada tahun lalu.

Presiden Persatuan Perubatan Ketagihan Malaysia (Amam), Dr Steven Chow, berkata terdapat ramai penagih yang masih berusaha mengatasi masalah ketagihan.

Bagaimanapun, katanya, pelaksanaan TPDM seharusnya seiring dengan kewujudan rangkaian kaunseling yang efektif.

Katanya, metadon diambil sebagai ubat untuk merawat penyakit sehingga ia stabil. Kestabilan pesakit mampu mengembalikannya ke alam pekerjaan, berperanan sebagai ketua keluarga dan akhirnya tidak langsung memerlukan metadon.

"Dalam menggalakkan mereka mendapat bantuan, separuh daripada usaha dan perjalanan kami mestilah seiring dengan membangunkan rangkaian kaunseling yang efektif," katanya.

Kata Dr Chow, ketagihan ialah penyakit kronik dan kaunseling perlu ditawarkan kepada pesakit sebagai sokongan emosi dan psikologi yang membantunya supaya tidak kembali kepada tabiat lama.

Secara umumnya, kebergantungan seseorang itu kepada metadon diukur kepada kekuatan individu itu sendiri mengatasinya.

Dos metadon dikurangkan mengikut keperluan pesakit. Satu dos biasanya mengandungi 40 hingga 60 miligram dan ia bertahan 24 jam, manakala untuk buprenorfin (ubat-ubatan pelali yang hampir sama dengan morfin dan heroin tetapi kurang kesan khayal) 12 miligram sehari.

Untuk tiga bulan pertama, penagih dikehendaki berjumpa doktor atau ahli farmasi bagi mendapatkan metadon kerana bahan itu tertakluk mengikut Akta Dadah Berbahaya.

Selepas disahkan stabil (air kencingnya negatif, sudah mendapat pekerjaan dan tidak lagi bergantung pada heroin) dia dibenarkan mengambil metadon di rumah tetapi untuk dua hari sebelum kembali berjumpa doktor.

Dos ubat yang diterima juga di-

kurangkan mengikut keadaan pesakit hingga sampai ke peringkat dia boleh meneruskan hidupnya tanpa mengambil terapi penggantian dadah.

Justeru, dengan sifatnya begitu, TPDM harus disertai kaunselor bagi merawat emosi dan psikologi penggunaannya. Namun sehingga kini, hanya ada 12 kaunselor berdaftar yang mempunyai pengkhususan dalam kaunseling ketagihan berdaftar dengan Majlis Pensijilan Penyalahgunaan Ubat-Ubatan Malaysia (SACCOM).

"Malaysia memerlukan lebih banyak kaunselor bagi mengatasi ketagihan, selain pemahaman masyarakat keliling. Tanpanya, kita sukar untuk menang dalam pertarungan menangani ketagihan dadah," katanya.

“ *Malaysia memerlukan lebih banyak kaunselor bagi mengatasi ketagihan, selain pemahaman masyarakat keliling. Tanpanya, kita sukar untuk menang dalam pertarungan menangani ketagihan dadah”*

Dr Steven Chow
Presiden Persatuan Perubatan Ketagihan
Malaysia (Amam)



Headline **Kaunseling penting jayakan terapi metadon**
Date **22 Nov 2009**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **342,946 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **29**
Article Size **584 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **7,400**
PRValue **22,200**



PAMERAN memberi kesedaran kepada orang ramai betapa bahayanya ketagihan dadah.

GHAZALI BUJANG | BERITA MINGGU